



## **Pesama Timber Corporation Sdn Bhd**

### **POLISI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT** **(CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY)**

PESAMA Timber Corporation Sdn Bhd (PESAMA) telah ditubuhkan dengan salah satu matalamatnya adalah untuk membantu pihak Kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi rakyat dan memajukan pembangunan di luar bandar, khususnya dalam Daerah Kemaman, Terengganu, serta masyarakat pada amnya. Matalamat ini dilaksanakan oleh syarikat menerusi pengurusan sumber hutan secara professional dan mapan (*Sustainable Forest Management* - SFM) dan industri hiliran yang berkaitan.

Syarikat adalah sedar akan kedudukannya sebagai sebahagian daripada entiti masyarakat pada keseluruhannya, terutamanya di dalam konteks komuniti di mana ia wujud dan beroperasi, dan perlu memainkan peranan yang sewajarnya sesuai dengan kemampuan serta keupayaannya dari semasa ke semasa.

Syarikat adalah dengan ini memberikan komitmen sepenuhnya kearah merangka strategi yang bersesuaian, praktikal dan menasabah, kearah menunaikan tanggungjawab sosial korporat terhadap pekerja, komuniti tempatan dan antarabangsa serta pemegang kepentingan lainnya, bagi tujuan mempromosi semangat bantu membantu, muhibbah serta toleransi di kalangan pihak-pihak yang terbabit.

Dalam merealisasikan dasar ini, syarikat akan sentiasa memberi sokongan kepada program-program dan kegiatan yang berkaitan dengan tanggungjawab sosial dan menyumbang kepada kebajikan dan pembangunan syahsiah serta iktisad (ekonomi) masyarakat pada amnya.

**“PESAMA DAN MASYARAKAT BERGERAK MAJU BERSAMA-SAMA”**

**(MOHD SHAMSOL BIN MOHD SHAFIE)**

**~~Pengurus Besar~~**

**Pesama Timber Corporation Sdn Bhd**